

Pusat latihan penerbangan di Langkawi

16 NOV 1981

Oleh WAN HAMIDIHAMID

LANGKAWI, Jumaat — Sebuah pusat latihan penerbangan akan dibina di Langkawi tahun depan bagi memenuhi permintaan untuk menyediakan lebih ramai juruterbang terlatih di negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, pembinaan pusat latihan itu adalah hasil perjanjian usahasama syarikat tempatan, Mofaz Sdn Bhd. dan Pusat Latihan Juruterbang Cessna.

"Ini adalah satu projek usahasama yang baik kerana ia membuktikan Cessna bukan saja terkenal sebagai pembuat kapal terbang tetapi juga tahu dalam bidang latihan penerbangan," katanya.

Menurutnya, keadaan di Akademi Penerbangan di Melaka yang sudah tidak mampu menampung pelatih juga menyebabkan negara memerlukan satu lagi pusat latihan sedemikian.

Perdana Menteri berkata, usaha menghantar juruterbang ke luar negara untuk menjalani latihan pula memerlukan perbelanjaan besar.

"Dengan adanya pusat latihan penerbangan di Langkawi, saya yakin kita bukan saja dapat menjimatkan kos tetapi juga melatih lebih ramai juruterbang tempatan," katanya kepada

da pemberita pada hari terakhir Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima) di sini, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, pusat penerbangan itu juga bukan saja dapat melatih juruterbang tempatan malah memberi peluang kepada orang asing untuk menyertainya.

Katanya, penubuhan pusat latihan itu juga akan memberi sumbangan dalam usaha mengembangkan industri penerbangan di Langkawi.

Mengenai kemungkinan industri penerbangan di Langkawi menjejaskan pelancongan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan yang menyedari perkara itu akan menentukan bahawa hanya industri penerbangan tertentu dibenarkan beroperasi di pulau itu.

Katanya, kerajaan tidak akan mewujudkan semua jenis industri kecuali industri bersih.

"Langkawi pula adalah kawasan bebas cukai yang mudah menerima barangan dari luar yang boleh dibawa masuk dengan pesawat udara ringan.

"Ini adalah sesuai kerana kita tidak mahu terlampau banyak industri di Langkawi. Sebab itu, saya katakan industri tertentu saja, iaitu kita pilih mana yang sesuai, termasuk menubuhkan pusat latihan penerbangan," ujarnya.